

16 NOV 1999

AH LEK MASIH BERDIAM MENGENAI KERUSI BENTONG

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek masih tidak mahu menyatakan kedudukannya sama ada beliau akan mempertahankan kerusi Parlimen Bentong dalam pilihan raya pada 29 Nov ini.

"Tunggu hingga hari penamaan calon pada 20 Nov," kata beliau kepada pemberita selepas bertemu dengan pekerja-pekerja Hong Kong and Shanghai Bank (HSBC) yang mengadakan piket di luar ibu pejabat bank itu semasa waktu makan tengah hari.

Lim yang juga Menteri Sumber Manusia berkata, adalah tidak penting sama ada beliau bertanding atau tidak kerana walaupun tanpa beliau Barisan Nasional (BN) akan menang dengan majoriti besar.

"Nama saya tidak penting, yang lebih penting ialah parti dan keputusan itu bukan pada saya sahaja," kata Lim.

Akhbar The Star hari ini memetik laporan sebuah akhbar Cina minggu lepas yang Lim mungkin memberi laluan kepada setiausaha politiknya Liow Tiong Lai.

Seorang pembantu kepada Lim berkata, senarai akhir calon-calon MCA dijangka diumumkan sama ada hari ini atau esok selepas pertemuan antara pemimpin-pemimpin parti dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pembantu itu berkata, senarai calon yang akan diumumkan nanti tidak akan mengejutkan.

Sejak pilihan raya umum lepas pada 1995 terdapat desas-desus yang Lim, 57, akan bersara daripada politik aktif.

-- BERNAMA

YBK PR